

**Semangat Perpaduan Raikan Perayaan Berjaya Satukan Rakyat
Bernama
28 Disember, 2012**

TENOM, 28 Dis (Bernama) -- Semangat perpaduan yang kukuh serta keharmonian dalam menyambut perayaan pelbagai kaum sehingga ke pelosok pedalaman Sabah, bukti kejayaan kerajaan dalam menyatukan perbezaan di kalangan rakyat yang berbeza latar dan budaya di negara ini.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata amalan kunjung-mengunjungi dalam meraikan sesuatu perayaan yang diamalkan di Sabah ini menjadi medan terbaik memperkukuh semangat perpaduan kaum dan integrasi nasional melalui konsep 1Malaysia.

"Ini cara kita di Malaysia dan Sabah khususnya yang terkenal dengan keharmonian, meskipun kita terdiri daripada pelbagai suku kaum, agama, budaya, kita dapat merayakan bersama sesuatu perayaan termasuk Krismas dan Tahun Baru.

"Melalui amalan kunjung-mengunjungi ini, kita dapat mengeratkan perasaan kekitaan dan kita akan terus bekerja di bawah kerajaan Barisan Nasional selain memberi khidmat terbaik untuk seluruh Sabah termasuk di pedalaman Tenom dan Melalap," katanya.

Musa berkata demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Krismas Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah Datuk Radin Malleh di Kampung Makakumpai di sini Jumaat.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Radin yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Melalap serta isteri Datin Angeline Tom yang sudi menjemputnya dan kunjungan rakyat pelbagai bangsa ke rumah wakil rakyat itu jelas menggambarkan penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.

Sementara itu, bekas anggota Parlimen Pensiangan Datuk Bernard Maraat yang hadir berkata sikap Musa sebagai pemimpin yang sering turun padang termasuk menghadiri rumah terbuka perayaan suku kaum di negeri ini, menjadi suntikan semangat bukan sahaja dari segi sosial malahan sudut politik.

"Musa sebagai Ketua Menteri dan pemimpin BN yang terbaik sentiasa bersama rakyat dan bekerjasama untuk rakyat dan rakyat juga harus bersama kerajaan.

"Kehadiran beliau memberi mesej baru kepada penduduk kawasan di sini dan pasti menggembirakan rakyat di Melalap dan Tenom," kata Bernard yang juga Ketua Parti Bersatu Sabah (PBS) Bahagian Liawan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=918178>